

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Tarikh: 04/2026

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai Insurans Kargo Marin anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

1 Apakah pelan Insurans Kargo Marin?

Insurans Kargo Marin melindungi subjek yang diinsuranskan daripada risiko kerugian, kerosakan, perbelanjaan, dan liabiliti semasa pengangkutan sama ada melalui udara, laut, atau darat.

Insurans Barang Dalam Transit melindungi Tertanggung daripada kerugian atau kerosakan barang secara tidak sengaja semasa pengangkutan darat, tertakluk kepada terma, syarat, dan risiko yang dilindungi bagi transit jalan atau daratan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Anda akan menerima perlindungan berikut:	
<p>Polisi ini melindungi:</p> <p>Kargo Marin Semua Risiko untuk kerugian atau kerosakan pada barangan yang dihantar menggunakan semua jenis pengangkutan (laut, udara, jalan raya, dan rel), kecuali perkara yang dikecualikan secara nyata di bawah polisi.</p> <p>Barang Dalam Transit Menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan fizikal barang semasa pengangkutan darat (contoh: trak, lori, van) dalam had wilayah yang dinyatakan dalam polisi.</p>	<p>Polisi ini tidak melindungi:</p> <p>Kerugian, kerosakan, atau perbelanjaan yang disebabkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Salah laku sengaja oleh Pihak Diinsuranskan • Kebocoran biasa, kehilangan berat atau isipadu, atau haus dan lusuh • Pembungkusan mesin yang tidak sesuai • Kerosakan yang disebabkan oleh sifat semula jadi mesin • Kelewatan • Kemuflihan atau kegagalan kewangan pemilik, pengurus, penyewa atau pengendali kapal • Kapal yang tidak layak untuk berlayar • Peperangan, mogok • Keganasan
<p>Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.</p>	

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi Kami di
1-800-888-458



Layari Kami di
www.progressiveinsurance.com.my



Email Kami di:
customercare@progressiveinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini untuk tujuan ilustrasi sahaja, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM100.00 (setahun)
(+) Perlindungan Tambahan	<i>Tidak Berkenaan</i>
Premium Kasar	RM100.00 (setahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM8.00 (setahun)
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM118.00 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen	15% daripada Premium Kasar atau RM15.00
Nota:	
<ul style="list-style-type: none"> Ini hanyalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada perlindungan insurans anda, pendedahan risiko dan kriteria pengunderaitan Progressive Insurance Bhd. Kadar Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia. 	

4 Maklumat Penting Lain

- Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda.
- Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda.
- Tempoh perlindungan: Perlindungan bermula apabila barang mula dipindahkan di gudang atau di tempat penyimpanan bagi tujuan pemuatan serta-merta ke dalam atau ke atas kenderaan pengangkut atau cara pengangkutan lain bagi memulakan perjalanan, diteruskan sepanjang perjalanan biasa dan berakhir selepas selesai memunggah dari kenderaan pengangkut atau cara pengangkutan lain atau di gudang terakhir atau tempat penyimpanan di destinasi yang dinyatakan dalam kontrak insurans. Polisi kargo biasanya membenarkan maksimum 60 hari atau 30 hari jika melalui pengangkutan melalui udara untuk sampai ke destinasi akhir sekiranya terdapat perjalanan seterusnya dari pelabuhan/ lapangan terbang.
- Jumlah Diinsuranskan: Anda harus memastikan barangan anda diinsuranskan berdasarkan kos utama barangan atau barangan dagangan ditambah dengan perbelanjaan berkaitan penghantaran, tambang yang anda bertanggungjawab, dan caj insurans.
- Lebihan: Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum kami menanggung kerugian anda.
- Premium: Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh Progressive Insurance Bhd dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya polisi ini. Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan kami berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko.
- Sekiranya berlaku insiden yang menimbulkan tuntutan, anda hendaklah segera memaklumkan kepada kami secara bertulis dengan segera.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa.
- Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.
- Jadual kadar tempoh singkat:

Tempoh Insurans	Peratusan Bayaran Balik Premium Tahunan
Tidak melebihi 15 hari	90%
Tidak melebihi 1 bulan	80%
Tidak melebihi 2 bulan	70%
Tidak melebihi 3 bulan	60%
Tidak melebihi 4 bulan	50%
Tidak melebihi 5 bulan	40%
Tidak melebihi 6 bulan	30%
Tidak melebihi 7 bulan	25%
Tidak melebihi 8 bulan	20%
Tidak melebihi 9 bulan	15%
Tidak melebihi 10 bulan	10%
Tidak melebihi 11 bulan	5%
Melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik premium

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Progressive Insurance Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)